

Pameran ISE rai pengkarya seni dan pendidikan

Kuala Lumpur, 26 Februari - Pameran berprestij ISE: Inspiring Souls Exhibition yang diadakan di Galeri Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyaksikan majlis perasmianya disempurnakan oleh pengarah filem tersohor Malaysia, (Dr.) U-Wei Haji Saari.

Pameran ISE: Inspiring Souls Exhibition yang berlangsung pada 15 Januari hingga 26 Februari 2025 itu diadakan atas inisiatif Institut Peradaban Melayu (IPM) dengan kerjasama Alumni ITM Seni dan Reka bentuk Batch 1994-1997. Pengarah IPM, Prof Dr. Tajul Shuhaizam Mohd Said berkata program yang diadakan sempena majlis Syarahan Budiman bertajuk "Tembikar Tradisi Refleksi Budaya Tinggi Watan" yang disampaikan beliau di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah itu adalah satu penghormatan dan tribute kepada arwah Roslizam @ISE yang juga alumni ITM dan penggiat dalam bidang seni halus.

Melalui pameran ini, katanya, pengunjung berpeluang melihat pelbagai karya seni yang menonjolkan transformasi peranan alumni ITM dalam bidang pendidikan dan seni sepanjang tempoh 30 tahun mereka berkecimpung dalam industri ini.

"Pameran ini juga menampilkan sumbangan karya daripada seramai 10 orang pempamer yang menyumbangkan hasil seni mereka kepada Institut Peradaban Melayu untuk dimanfaatkan sebagai bahan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran di UPSI," katanya.

Beliau berkata karya-karya yang disumbangkan tersebut mempunyai nilai keseluruhan lebih daripada RM50,000 sekali gus membuktikan penghargaan tinggi terhadap seni dan pendidikan dalam kalangan penggiat seni tanah air. Katanya, majlis ini bukan sahaja

memperkuh jaringan antara akademik dan penggiat seni, tetapi juga mengukuhkan peranan UPSI sebagai institusi yang terus menyemarakkan seni dan budaya dalam sistem pendidikan negara.

Beliau berkata dengan adanya pameran seperti ini, diharapkan lebih banyak inisiatif seni dapat diteruskan untuk generasi akan datang.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI raih pingat emas dan perak dalam MTE 2025

Kuala Lumpur, 28 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi penyelidikan pendidikan terkemuka apabila merangkul pingat emas dan perak dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2025 pada Sabtu.

Pencapaian itu diraih menerusi dua projek inovasi pendidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu Kurikulum dan Modul Thalatha Tis'a (pingat emas) serta Program Pensijilan Profesional Guru Takmir (pingat perak).

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan &

Inovasi) UPSI, Profesor Dr. Suriani Abu Bakar menyifatkan kemenangan itu sebagai satu pencapaian besar bagi UPSI dalam memperkukuhkan peranan universiti sebagai institusi yang mendukung inovasi dalam pendidikan. "Kejayaan ini bukan sahaja mengiktiraf usaha gigih para penyelidik tetapi juga membuktikan bahawa institusi kita mampu bersaing di peringkat antarabangsa. "Anugerah emas dan perak yang diperoleh dalam MTE 2025 menjadi saksi UPSI terus relevan dalam penghasilan penyelidikan berimpak tinggi," katanya. Sementara itu, inovasi

Kurikulum dan Modul Thalatha Tis'a dibangunkan lima ahli akademik yang pakar dalam bidang tersebut.

Mereka ialah Ketua Pasukan, Profesor Madya Dr. Norazilawati Abdullah (Pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia (FPM); Dr. Sakinah Salleh (Pusat Ulul Albab UPSI dan Fakulti Sains Kemanusiaan); Profesor Madya Dr. Mazlina Che Mustafa (Pusat Penyelidikan Pembangunan Kanak-Kanak Kebangsaan (NCDRC) dan FPM); Dr. Intan Farahana Abdul Rani (NCDRC dan FPM) serta Profesor Madya Dr. Aslina Saad (Fakulti Komputeran dan META-Teknologi).

UPSI Perkukuh Hubungan Malaysia-Jepun dalam Program Mobility Tanpa Kredit 2025

Tanjong Malim, 19 Februari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Kanazawa, Jepun.

Program Mobiliti Tanpa Kredit 2025 antara UPSI dengan Universiti Kanazawa dan Universiti Komatsu merupakan program pertama yang dapat membantu memenuhi KPI mobiliti fakulti serta universiti.

Program ini sekaligus membuka ruang dan peluang bagi pelajar dari Jepun dan UPSI untuk menimba ilmupengetahuan serta mempelajari kepelbagaian budaya.

Program ini sebagai satu inisiatif fakulti bagi mewujudkan pengajaran pelbagai budaya melalui pertukaran pelajar dari Jepun ke Malaysia.

Program Mobiliti ini dilaksanakan selama 14 hari bermula dari 14 Februari sehingga

28 Februari 2025. Bagi mengukuhkan hubungan akademik dan budaya antara UPSI dengan Universiti Kanazawa dan Universiti Komatsu, Jepun, seramai 6 orang pelajar dari pelbagai kursus iaitu 4 orang dari Kanazawa dan 2 orang dari Komatsu diiringi dengan seorang pegawai pengiring iaitu Profesor Hiroshi Yamamoto dari Universiti Kanazawa telah mengikuti program ini.



Modul Thalatha Tis'a: Pendidikan Hafazan Al-Quran untuk Kanak-Kanak

Modul Thalatha Tis'a, ciptaan Prof. Madya Dr. Norazilawati Abdullah, merupakan inisiatif pendidikan yang membantu kanak-kanak berusia 3 hingga 9 tahun menghafaz al-Quran, menguasai bahasa Arab, dan membentuk akhlak mulia. Program ini terbahagi kepada dua fasa: Fasa 1 (3-6 tahun) dan Fasa 2 (6-9 tahun). Pembangunan modul ini melalui kajian lapangan yang merangkumi enam peringkat:

1. Pengenalpastian Keperluan - Mengenal pasti keperluan pembelajaran hafazan al-Quran melalui kajian literatur dan sesi bersama guru.
2. Pengumpulan Data Awal - Pemerhatian terhadap kaedah pembelajaran kanak-kanak di bilik darjah.
3. Pembangunan Produk Awal - Membangunkan kurikulum dan modul prototaip.
4. Percubaan Lapangan - Modul diuji pada

5. Penilaian dan Pengubahsuaian - Penambahbaikan berdasarkan maklum balas guru dan ujian lapangan.
6. Penilaian Akhir - Pengujian dalam situasi sebenar sebelum pelaksanaan luas.

Kajian membuktikan bahawa modul ini sangat berkesan dalam membantu kanak-kanak menghafaz al-Quran. Produk ini telah didaftarkan di myIPO dengan tiga hak cipta: THALATHA TIS'A (CRLY2024W08430), KURIKULUM THALATHA TIS'A (CRLY2024W08468), dan MODUL THALATHA TIS'A (CRLY2024W0843). Modul ini dilancarkan di Festival Idea 2024 di PICC Putrajaya oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada 29 November 2024 serta di Kolokium Thalatha Tis'a di UNITEN pada 5 November 2024. Ia kini sedia untuk dipasarkan

dan telah melalui fasa pertama latihan Trainer of Trainers (TOT) pada Januari 2025 dengan 38 peserta dari sembilan agensi, menjana pendapatan RM45,600.00.

- Kelebihan Produk:
- Berdaftar di bawah hak cipta dan sesuai untuk pasaran tempatan serta antarabangsa.
 - Menggunakan teknik khusus untuk hafazan al-Quran dengan kurikulum yang komprehensif.
 - Sesuai untuk pusat asuhan, pra sekolah, sekolah rendah, home schooling, individu atau berkumpulan, secara bersemuka atau dalam talian.
 - Memenangi pingat emas di MTE 2025.

Inventor:
Ketua: Prof. Madya Dr. Norazilawati Abdullah
Ahli: Dr. Sakinah Salleh, Prof. Madya Dr. Mazlina Che Mustafa, Dr. Intan Farahana Abdul Rani, Prof. Madya Dr. Aslina Saad.

